Pelancaran di Rantau Asia oleh Bank Dunia - "Pangkalan Data Global Findex 2014: Mengukur Rangkuman Kewangan di Seluruh Dunia" Kuala Lumpur, 20 Ogos 2015

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana berpeluang menghadiri pelancaran "Pangkalan Data Global Findex 2014" di Rantau Asia oleh Bank Dunia. Global Findex ialah salah satu sumber data rangkuman kewangan paling menyeluruh dan berwibawa, yang memberikan pemahaman bernilai mengenai tahap rangkuman kewangan di dunia hari ini. Kita amat berbangga kerana Kumpulan Bank Dunia telah memilih bandaraya kosmopolitan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah bagi pelancaran Global Findex di rantau Asia. Rangkuman kewangan, iaitu penyediaan perkhidmatan kewangan yang berkesan kos dan bermutu kepada semua lapisan masyarakat, telah diakui sebagai pendorong struktur yang penting untuk pembangunan dan kemajuan ekonomi. Lebih ramai turut menyedari bahawa pembangunan yang memperkasakan setiap individu untuk mencapai potensi maksimum masing-masing akan meningkatkan produktiviti dan pendapatan agregat, lantas menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih dinamik dan berterusan. Oleh itu, rangkuman kewangan perlu dilaksanakan dengan lebih meluas melangkaui golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan untuk mencapai penyertaan yang lebih berkesan dalam sistem kewangan dan dengan itu terus menyerlahkan potensi yang lebih tinggi untuk menyumbang ke arah pertumbuhan dan pembangunan ekonomi secara keseluruhan.

Rangkuman kewangan di Malaysia: Evolusi kami

Sejak penubuhan Bank Negara Malaysia pada tahun 1959, rangkuman kewangan telah menjadi agenda penting Bank Negara Malaysia berikutan peranannya yang menjadi tunggak dalam menyokong aspirasi bagi pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan mampan. Pada awalnya, perhatian tertumpu pada penubuhan rangkaian institusi kewangan yang pelbagai bagi memenuhi keperluan pelbagai pengguna dan perniagaan, termasuk masyarakat luar bandar dan perniagaan kecil.

Bank Negara Malaysia juga berusaha untuk menyediakan persekitaran pengawalseliaan yang diperlukan untuk menggalakkan sistem kewangan membangunkan produk dan perkhidmatan inovatif bagi memenuhi keperluan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dengan lebih baik. Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan perkhidmatan perbankan asas, iaitu akaun simpanan asas pada kos rendah pada tahun 2005. Dari segi pembiayaan pula, rangka kerja pembiayaan mikro telah diwujudkan pada tahun 2006 untuk menyediakan skim pembiayaan mikro tanpa cagaran yang memberikan akses kepada pembiayaan dengan cara yang pantas, mudah dan senang. Satu lagi inisiatif dasar penting ialah pembangunan perkhidmatan kewangan yang berasaskan prinsip Syariah. Semua langkah ini membolehkan pelbagai lapisan masyarakat Malaysia menggunakan dan meraih manfaat daripada sistem kewangan.

Sejajar dengan kepentingan transformasi rangkuman kewangan, Akta Bank Negara Malaysia 2009 menetapkan bahawa salah satu fungsi utama Bank adalah untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif. Akta ini memberikan mandat yang jelas dan kuasa perundangan kepada Bank Negara Malaysia untuk mengetengahkan agenda rangkuman kewangan. Mandat ini dikukuhkan lagi dengan Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, yang menentukan hala tuju pembangunan sistem kewangan Malaysia pada masa hadapan dan memperincikan pendekatan menyeluruh

yang diambil oleh Bank ke arah rangkuman kewangan yang lebih meluas.

Satu evolusi penting dalam usaha memajukan strategi rangkuman kewangan Malaysia ialah tumpuan yang semakin meningkat pada data dan pengukuran. Kejayaan hanya dapat dicapai sekiranya terbukti menerusi perkembangan yang dapat dilihat dan dirasai oleh seluruh masyarakat. Sehubungan dengan itu, salah satu saranan utama di bawah Pelan Sektor Kewangan ialah pembentukan Indeks Rangkuman Kewangan, iaitu rangka kerja yang mengukur tahap boleh akses kepada perkhidmatan kewangan serta penggunaan dan kualitinya. Oleh itu, prestasi kami dalam agenda ini telah diukur, selaras dengan usaha kami untuk mendorong ke arah kebertanggungjawapan dan kecemerlangan. Inisiatif dasar selanjutnya termasuk memperkenalkan perbankan ejen yang membolehkan 99% rakyat Malaysia pada hari ini menikmati akses yang mudah kepada perkhidmatan kewangan yang selamat, berwibawa dan berpatutan.

Usaha pada peringkat antarabangsa untuk menambah baik pengukuran rangkuman kewangan

Pada peringkat antarabangsa, semakin wujud pemahaman yang seragam bahawa pengukuran merupakan instrumen dasar yang penting bagi pelaksanaan rangkuman kewangan. Dalam hal ini Alliance for Financial Inclusion (AFI), iaitu rangkaian bank pusat dan pengawal selia kewangan dari 96 buah negara, telah menyediakan platform penting untuk memajukan agenda global bagi pengukuran rangkuman kewangan. Dengan adanya Sasana Accord, yang dipersetujui pada tahun 2013 semasa Forum Dasar Global di Sasana Kijang, anggota AFI menekankan kepentingan mengukur kemajuan rangkuman kewangan menggunakan himpunan penunjuk boleh ukur yang seragam. Sasana Accord telah merumuskan instrumen pengukuran untuk memantau Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicators, KPI) yang membantu penggubal dasar melaksanakan dan memperhalus strategi untuk membantu golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

Kemajuan ketara juga dicatat dalam pengumpulan data KPI rangkuman kewangan yang tepat dan kena pada masanya. Sebelum ini, data rangkuman kewangan sukar diperoleh kerana data ini bergantung pada tinjauan pengguna kebangsaan. Dalam hal ini, Global Findex telah memberikan sumbangan amat besar kepada penggubal dasar dan pengamal rangkuman kewangan kerana Global Findex merupakan pangkalan data yang mengandungi lebih daripada 150,000 maklum balas tinjauan dari lebih 140 buah negara di seluruh dunia. Berbekalkan data daripada Global Findex, yang dikemaskinikan setiap 3 tahun, kita kini boleh membuat perbandingan secara konsisten tentang prestasi rangkuman kewangan merentas negara dan menganalisis trend dari masa ke masa. Ketersediaan data prestasi negara bukan sahaja memberikan tekanan kepada setiap negara agar bertindak setanding dengan negara-negara lain, tetapi juga memberikan bukti empirikal mengenai tindakan dasar rangkuman kewangan yang memberikan kesan paling optimum. Analisis data Global Findex telah memberikan bukti kukuh bahawa negara yang melaksanakan perbankan mudah alih mencatat prestasi yang lebih baik berbanding dengan negara yang tidak melaksanakannya. Bukti empirikal seperti ini memudahkan penggubal dasar dan sektor swasta dalam usaha mereka memperluas rangkuman kewangan.

Keutamaan untuk meningkatkan rangkuman kewangan

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kemajuan yang ketara telah dicatat untuk meningkatkan rangkuman kewangan di seluruh dunia. Menurut Global Findex, 700 juta orang dewasa telah mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan secara formal sejak tahun 2011. Sesungguhnya, ini merupakan pencapaian yang amat membanggakan. Walau bagaimanapun, dua bilion orang dewasa kini masih tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan. Oleh itu, sektor swasta dan awam perlu memperhebatkan

usaha untuk mempertingkat langkah-langkah yang berkesan dan bermakna dalam memperluas rangkuman kewangan. Di Malaysia, keutamaan kami adalah untuk mempertingkat akses kepada perkhidmatan kewangan digital, dan juga membolehkan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan meraih manfaat daripada perkhidmatan kewangan yang bertambah mudah, lebih cekap dan pada kos yang lebih rendah. Satu lagi keutamaan penting ialah pendidikan kewangan untuk mereka yang baru mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan, untuk memastikan peserta baharu dalam sistem kewangan bertindak secara bertanggungjawab dan tidak menanggung akibat bebanan hutang yang keterlaluan.

Bagi ASEAN, rangkuman kewangan makin diutamakan kerana dianggarkan 260 juta orang dewasa di rantau ini masih tidak mempunyai akses kepada sistem kewangan formal, manakala 45 juta perniagaan kecil mengalami masalah untuk mendapat akses kepada pembiayaan. Bagi mengatasi cabaran ini, Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Pusat ASEAN memutuskan pada bulan Mac 2015 untuk menjadikan rangkuman kewangan sebagai keutamaan dasar. Sememangnya kita saling berkongsi wawasan agar setiap individu dan setiap perniagaan kecil di rantau ini dapat turut serta dan meraih manfaat daripada peluang yang muncul susulan integrasi serantau yang lebih padu di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN.

Kesimpulan

Usaha bersepadu kita untuk memajukan rangkuman kewangan telah menghasilkan pelbagai pencapaian penting. Pangkalan Data Global Findex 2014 akan menjadi penyumbang utama kepada perumusan dan pelaksanaan dasar rangkuman kewangan yang optimum dan berkesan. Bank Negara Malaysia ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kumpulan Bank Dunia atas pencapaian ini. Kami juga ingin menegaskan semula komitmen kami yang padu terhadap usaha rangkuman kewangan dan mengalu-alukan kerjasama yang lebih erat dengan semua pihak berkepentingan bagi mengotakan janji untuk mewujudkan rangkuman kewangan yang lebih meluas, dan dengan itu memberikan harapan dan membuka peluang yang lebih bermakna kepada masyarakat kita.

Forum Global Mengenai Kewangan Beretika - Membina Sistem Kewangan untuk Pembangunan yang Mampan Edinburgh, 1 September 2015

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat berucap pada Forum Global mengenai Kewangan Beretika yang diadakan di Edinburgh ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Scotland dan Middle East Global Advisors atas kesudian mengundang saya untuk berucap pada forum ini. Ini merupakan suatu penghormatan kepada saya kerana dapat berada di satu forum berprestij, yang dihadiri para profesional daripada pelbagai bidang, yang sedang memberikan tumpuan pada kewangan beretika untuk pembangunan yang mampan.

Perbincangan mengenai usaha menerapkan kewangan beretika untuk menyokong pembangunan yang mampan adalah tepat pada masanya. Dalam dekad kebelakangan ini, kita terpaksa berdepan dengan krisis kewangan global besar yang tidak pernah berlaku sebelum ini, yang sebahagian besarnya berpunca daripada etika dan budaya yang diamalkan dalam industri perkhidmatan kewangan. Pada tempoh itu, kita juga menyaksikan kesalahan tingkah laku yang ketara telah dilakukan serta kesilapan etika dalam bidang perkhidmatan kewangan, termasuk manipulasi kadar rujukan dan kegagalan pematuhan yang disengajakan. Sejak dilanda krisis kewangan global, tahun-tahun kebelakangan ini kita mempunyai masa untuk mengkaji semula kelemahan ini serta terus berusaha untuk melaksanakan pembaharuan yang amat diperlukan, dengan memberikan keutamaan pada daya tahan dan kestabilan. Dengan beberapa kemajuan penting telah dicapai setakat ini, sudah tiba masanya kita memberikan tumpuan ke arah menghasilkan penyelesaian yang lebih lestari, yang akan memantapkan kembali kedudukan sektor kewangan sebagai penyedia perkhidmatan kepada masyarakat. Ini memerlukan penelitian yang lebih rapi terhadap ciri-ciri asas kewangan moden - iaitu dengan memberikan penekanan pada peranan lebih penting terhadap kewangan beretika dan bertanggungjawab untuk bertaut kukuh kepada ekonomi benar.

Saya akan memulakan ucapan pada hari ini dengan beberapa pemerhatian berkaitan evolusi sistem kewangan dan trend-trend yang telah meningkatkan ancaman krisis kewangan, mengetengahkan beberapa isu utama yang telah menyumbang kepada kegagalan sistem kewangan. Akhir sekali, saya ingin mengambil peluang ini untuk membincangkan tentang beberapa kemungkinan berkaitan masa depan sistem kewangan.

Sistem kewangan, Dahulu dan Kini

Perkembangan sistem kewangan sejak dari dahulu merupakan suatu komponen yang positif dan tidak terpisah daripada pertumbuhan dan kemakmuran ekonomi dunia. Terdapat banyak kajian yang menunjukkan wujud manfaat yang nyata daripada pembangunan kewangan, yang mengiktiraf nilai ekonomi dalam pengantaraan kewangan yang menggembleng tabungan, menjadi pemangkin kepada pelaburan, membolehkan pengagihan sumber yang cekap, mengurangkan jurang asimetri maklumat, dan memudahkan pengurusan risiko. Peranan kewangan dalam mentransformasikan kemajuan ekonomi adalah jelas sepanjang sejarahnya. Kuasa intrinsik kewangan pada dasarnya terletak pada hubungannya dengan ekonomi benar - iaitu kewangan wujud untuk menyokong ekonomi benar. Seperti yang telah dikatakan, "Apabila perusahaan menerajui, kewangan menyusuli" (where enterprise leads, finance follows"). Ini dapat dilihat pada peringkat awal inovasi kewangan

serta pertumbuhan sistem kewangan di seluruh dunia. Pada abad ke-17 di Belanda, penubuhan Amsterdam Exchange Bank dan ketersediaan instrumen seperti bil pertukaran telah banyak menyumbang kepada pembiayaan perdagangan dalam negeri dan antarabangsa mereka. Ini menjadi asas yang kukuh untuk Belanda berkembang sebagai kuasa utama maritim dan ekonomi dunia semasa zaman kegemilangannya. Begitu juga, revolusi kewangan di Britain semasa era pramoden telah menyediakan asas kepada revolusi perindustrian pada abad ke-18 hingga abad ke-19.

Satu pemerhatian yang dapat dilihat sejak akhir-akhir ini adalah daripada pengalaman Negara China, apabila proses pengantaraan kewangan telah menjadi kunci bagi pembangunan infrastruktur yang telah memacu pertumbuhan ekonomi negara itu yang bermula sejak 1980-an. Dalam proses itu, berjuta-juta orang telah berjaya diselamatkan daripada kemiskinan yang melampau. Walaupun pengalaman yang dilalui ini adalah berbeza-berbeza, yang dipisahkan oleh jurang geografi dan sejarah, namun kewangan merupakan komponen yang lazim dan sangat penting dalam kebangkitan menyeluruh bagi semua ekonomi ini . Yang terkini, peranan kewangan dalam transformasi ini juga dapat dilihat dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun di bahagian lain dunia pada abad ke-20, apabila kewangan beralih untuk menjadi satu komponen yang ketara dan penting dalam ekonomi global. Selanjutnya, ketika dimensi serantau dan antarabangsa kewangan meningkat, globalisasi kewangan ini telah mempermudah aktiviti perdagangan dan pelaburan merentas sempadan.

Walau bagaimanapun, dalam dua dekad kebelakangan ini, kewangan telah berubah dengan progresif daripada satu cara untuk mencapai matlamat, kepada menjadi matlamat itu tersendiri. Peranan kewangan beralih daripada pendorong pertumbuhan kepada enjin pertumbuhan yang tersendiri. Dalam ekonomi dunia yang lebih global ini, pusat-pusat kewangan juga berkembang untuk menjadi penyumbang penting kepada pendapatan dan kekayaan negara. Namun, trend ini merupakan permulaan hakisan bagi hubungan antara kewangan dengan ekonomi benar, dengan menggalakkan aktiviti kewangan yang pada dasarnya menjadi tidak mampan. Di beberapa bahagian dunia, kewangan secara progresifnya menyimpang daripada penciptaan nilai jangka panjang kepada usaha mengejar pulangan jangka pendek. Aktiviti bank yang berasaskan perdagangan instrumen kewangan dan fi menjadi lebih menguntungkan berbanding dengan aktiviti pinjaman secara tradisional. Ini kemudiannya menjadi pendorong kepada inovasi dalam perkhidmatan kewangan yang telah pun menjadi semakin terpisah daripada peranannya untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan ekonomi. Pada tempoh sejurus sebelum krisis kewangan global, kredit dalam negeri yang disediakan oleh sektor kewangan seperti di Iceland dan Amerika Syarikat (AS), yang sebelum ini masing-masing berpurata pada 48% dan 149% daripada KDNK, telah terpisah dengan ketara, dan jauh mengatasi aktiviti ekonomi benar. Kredit dalam negeri oleh sektor kewangan di Iceland dan AS telah meningkat dengan mendadak menjelang tahun 2007, masing-masing pada 299% dan 236% daripada KDNK.

Pengalaman daripada krisis kewangan global menyerlahkan kemungkinan manfaat kewangan boleh cepat berubah, mengakibatkan kesan kewangan yang meruntuhkan dan bukannya kesan yang membina. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa pulangan tambahan kepada pertumbuhan daripada kewangan menjadi berkurang pada tahap pembangunan kewangan yang tinggi. Dalam erti kata lain, kemungkinan berlakunya kewangan yang berlebihan iaitu kos kepada pertumbuhan dan kestabilan mengatasi manfaat pembangunan kewangan. Sama seperti perkembangan pesat industri lain, sektor kewangan pada tempoh kemuncaknya yang melampau telah menunjukkan pelaburan yang berlebihan dari segi modal termasuk modal insan yang hanya menjadi nyata selepas berlakunya krisis. Pengalaman lalu jelas menunjukkan bahawa menjelang berlakunya krisis kewangan global, kebanyakan sistem kewangan telah hampir kepada, atau telah lama melepasi saiz operasi yang sesuai.

Kegagalan Sistem Kewangan

Hubungan antara kewangan dengan ekonomi benar yang semakin merosot, pada pandangan saya, merupakan faktor utama yang telah melemahkan peranan positif kewangan dan telah meningkatkan potensi ketidakstabilan kewangan. Seperti yang berlaku semasa krisis baru-baru ini, kemerosotan peranan kewangan akhirnya menyebabkan fungsi ekonomi pengantaraannya yang murni telah menjadi tidak berkesan, lantas menyebabkan kemudaratan yang lebih besar berbanding dengan kebaikan kepada proses pertumbuhan ekonomi. Pelbagai faktor yang menyumbang kepada krisis baru-baru ini telah pun banyak dikaji dan dibincangkan, menunjukkan bahawa dalam kebanyakan kes, kewangan telah menjadi sangat tidak berhubung kait daripada aktiviti ekonomi benar yang produktif. Selain itu, peranannya yang telah mengubah hubungan antara pertumbuhan dengan pengagihan risiko telah mewujudkan herotan yang menyebabkan keuntungan daripada pengambilan risiko yang berlebihan dikongsi oleh sebilangan kecil peserta manakala kerugian ditanggung oleh kalangan masyarakat.

Penyalahgunaan pensekuritian dan model "asalan dan agihan" (originate and distribute) merupakan bukti yang jelas tentang kemerosotan tersebut, yang menyebabkan pengasingan hubungan antara ejen yang mengambil risiko dengan mereka yang akhirnya menanggung risiko. Walaupun bertujuan untuk memudahkan pengurusan risiko yang lebih baik dengan memindahkan risiko daripada bank-bank kepada pelbagai kumpulan pelabur, pengasingan ini menimbulkan masalah dalam struktur insentif dan ketersediaan maklumat. Terdapat kegagalan yang jelas dalam hubungan antara pemiutang dengan peminjam. Bank-bank pada dasarnya digalakkan untuk memberikan tumpuan terhadap usaha meningkatkan secara agresif pinjaman yang kurang berkualiti disebabkan oleh standard pengunderaitan yang lebih rendah. Para pelabur yang menanggung risiko yang terikat seperti itu telah pun menjadi jauh lebih terasing daripada peminjam asal. Maklumat tidak lagi telus dan risiko tidak lagi boleh difahami sepenuhnya. Berikutnya, ejen-ejen ekonomi yang mencari pulangan yang lebih besar digalakkan untuk mencapainya melalui leveraj yang lebih besar, dengan itu meningkatkan lagi kemungkinan ancaman terhadap sistem kewangan dan ekonomi yang lebih luas.

Lebih banyak perhatian juga telah diberikan terhadap ketidakjajaran insentif untuk para profesional perkhidmatan kewangan seperti yang dicerminkan oleh struktur pampasan yang memberikan ganjaran kepada prestasi jangka pendek serta tindakan yang tidak begitu tegas terhadap pengambilan risiko yang keterlaluan. Saya percaya, ini juga merupakan simptom yang semakin menjauhkan kewangan daripada para penggunanya dan ekonomi yang lebih luas. Apabila ikatan sosial menjurus kepada ukuran keuntungan semata-mata, ia meletakkan asas yang lemah untuk kewangan yang mampan. Bagi kewangan, hasil perlu diukur berdasarkan perkhidmatan akhir kepada ekonomi benar, yang sebagai contoh, dicerminkan oleh kejayaan seorang usahawan atau kesejahteraan kewangan para pelanggan runcit. Pemisahan kewangan daripada fungsinya untuk memberikan perkhidmatan kepada ekonomi mengakibatkan para pelanggan hanya dilihat sebagai peluang untuk mengaut keuntungan, dan setiap urus niaga sebagai pertaruhan untuk mendapat hasil kewangan lumayan. Kewujudan salah jual bagi jualan produk kewangan yang kompleks ialah contoh peralihan kepada trend ini.

Kewangan Masa Depan: Menegarkan Semula Kewangan kepada Ekonomi Benar

Izinkan saya menyentuh beberapa perkara penting untuk menegarkan semula kewangan kepada ekonomi benar.

Pertama dan paling utama, kewangan masa hadapan perlu mempunyai hubungan yang lebih kukuh dengan ekonomi benar melalui peranan pengantaraannya yang berkesan dalam memberikan khidmat kepada masyarakat. Peranan sistem kewangan perlu bercirikan nilai ditambah dan **berasaskan nilai** – dengan nilai ditambah ia bererti

sistem kewangan memberikan sumbangan yang bermakna melalui peranan fungsi pengantaraannya dan memudahkan aktiviti ekonomi benar, manakala berasaskan nilai pula bererti mempunyai matlamat untuk memberikan manfaat kepada masyarakat. Kewangan bercirikan nilai ditambah dan berasaskan nilai sangat diperlukan dalam ekonomi global. Banyak bahagian di dunia, terutamanya negara sedang membangun, memerlukan sejumlah besar dana untuk menangani pembangunan infrastruktur. Rangkuman kewangan juga kekal sebagai agenda penting untuk meningkatkan taraf hidup segmen masyarakat terpinggir dalam komuniti global kita.

Kedua, rejim yang berfungsi dengan mengamalkan kewangan nilai ditambah dan berasaskan nilai perlu dibina atas prinsip-prinsip sejagat yang akan mewujudkan satu model yang mampan supaya kewangan positif seperti ini dapat menjadi arus perdana dalam sistem kewangan global. Rejim yang mengamalkan aktiviti produktif yang sebenar, dan tidak menggalakkan leveraj berlebihan serta menekankan ketelusan, dan memperkukuh hubungan pembiaya-pelanggan, secara kumulatif akan menjadi kuasa yang positif untuk sistem kewangan global. Sesungguhnya, ini adalah sebahagian daripada teras yang menyokong kewangan Islam yang telah mendapat perhatian yang luas di banyak bahagian di dunia. Prinsip utama kewangan Islam menghendaki urus niaga kewangan yang disokong oleh aktiviti ekonomi yang sebenar, memperkukuh hubungan antara kewangan dengan penciptaan nilai serta menjajar inovasi kewangan dengan aktiviti ekonomi yang produktif. Selain itu, penekanan kepada perkongsian risiko dalam kewangan Islam mengukuhkan insentif kepada para peserta untuk menyaring dan memantau urus niaga bagi daya maju dan risiko ekonomi, serta untuk melaksanakan proses tadbir urus. Di Malaysia, usaha kita untuk memperluas jangkauan kewangan nilai ditambah dan berasaskan nilai seperti itu termasuk pembangunan platform berbilang bank untuk memadankan dana daripada bakal pelabur dengan kegiatan keusahawanan dalam sektor benar.

Ketiga, usaha untuk mengukuhkan penawaran dan permintaan terhadap kewangan nilai ditambah dan berasaskan nilai akan menyumbang dengan ketara ke arah menegarkan semula sistem kewangan global kepada ekonomi benar. Dari segi penawaran, tumpuan terhadap profesionalisme, etika dan kualiti tenaga mahir akan menyumbang kepada pemacuan perubahan positif dalam industri perkhidmatan kewangan. Di Malaysia, kita telah menubuhkan Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan, yang dilancarkan pada tahun 2014, yang terdiri daripada kumpulan pakar-pakar terkemuka dari seluruh dunia yang kini sedang meneliti kod etika sukarela yang mungkin diterima pakai pada peringkat antarabangsa merentas seluruh industri perkhidmatan kewangan.

Perubahan yang bermakna dalam budaya institusi kewangan memerlukan komitmen yang tinggi daripada industri. Komitmen tersebut yang ditunjukkan melalui pengukuran dan penzahiran prestasi bukan kewangan sesebuah institusi kewangan, seperti hasil metrik sosial, alam sekitar dan tadbir urus, boleh menjadi pendorong penting untuk perubahan. Di Malaysia, cadangan tersebut sedang dibangunkan untuk institusi kewangan Islam menzahirkan Hasrat Nilai Korporat mereka, sebagai satu ukuran prestasi komitmen mereka untuk penciptaan nilai. Aktivisme pengguna yang lebih tinggi dan permintaan terhadap lebih banyak maklumat korporat berfokuskan pengguna mencerminkan permintaan yang meningkat daripada pengguna agar institusi-institusi bertanggungjawab terhadap tingkah laku dan nilai-nilai mereka.

Dari segi permintaan terhadap kewangan beretika dan bertanggungjawab, kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan para pengguna serta pelabur berkaitan ketersediaan dan daya maju kewangan yang positif tersebut juga diperlukan, termasuk dalam kalangan kerajaan, korporat dan pasaran runcit. Pendidikan, perbincangan, insentif dan penjajaran rangka kerja undang-undang dan pengawalan berkaitan penggunaan kewangan tersebut akan menjadi penting untuk mencapai matlamat ini.

Akhir sekali, terdapat keperluan untuk memupuk kepimpinan yang mantap pada peringkat global yang boleh memberikan sokongan dan memainkan peranan pemudah cara untuk menyelesaikan halangan dan dapat menghimpunkan pihak berkepentingan yang berbeza untuk bekerjasama dengan cara yang terselaras dan bersepadu. Institut Kewangan Bertanggungjawab (Responsible Finance Institute) yang berpangkalan di United Kingdom, telah diwujudkan sebagai badan pemikir yang menghimpunkan pakar-pakar dalam kewangan bertanggungjawab dari seluruh dunia. Institut ini mempunyai peranan yang unik dalam usaha ini. Tumpuan pada kerjasama dan pertumpuan antara pelbagai bidang kewangan beretika dengan kewangan yang bertanggungjawab mempunyai potensi besar untuk memanfaatkan amalan terbaik kewangan yang positif ini dalam pelbagai bentuknya untuk menggunakan secara kolektif kuasa yang penting ini dalam pembentukan kewangan masa depan.

Pada masa hadapan, pembangunan yang stabil dan mampan ini dapat dijayakan dengan merapatkan semula jurang yang kini wujud antara kewangan dengan penciptaan nilai dan ini dapat diperkukuh dengan memberikan manfaat kepada masyarakat. Pada masa ini, memandangkan pembaharuan kewangan oleh masyarakat antarabangsa telah banyak dilaksanakan, penting bagi kewangan masa hadapan bukan sahaja untuk stabil dan berdaya tahan, bahkan tertegar kukuh kepada akar umbinya sendiri, iaitu ekonomi benar, bagi menjana manfaat yang positif untuk khalayak masyarakat yang lebih besar .

Dengan itu, saya berharap forum ini menjadi forum perbincangan yang produktif.

Simposium Global Peringkat Tinggi OECD – Malaysia Mengenai Kesejahteraan Kewangan
Perjalanan ke arah Kesejahteraan Kewangan: Memanfaatkan Momentum dan Mengenal Pasti Hala Tuju Baharu
Kuala Lumpur, 30 September 2015

Ucapan Pembukaan
oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat hadir di Simposium Global mengenai Kesejahteraan Kewangan, yang merupakan bidang keutamaan yang penting dalam persekitaran ekonomi dunia pada masa ini. Bank Negara Malaysia (Bank) amat berbesar hati kerana menjadi tuan rumah acara yang penting ini bersama-sama dengan OECD. Saya amat mengalu-alukan kedatangan semua perwakilan ke Kuala Lumpur dan semoga kemudahan yang terdapat di Sasana Kijang ini dapat memenuhi keperluan anda semua.

Kemajuan yang dicapai dalam penyediaan perkhidmatan kewangan sejak beberapa dekad kebelakangan ini telah memberikan kesan transformasi terhadap kesejahteraan kewangan. Ciri-ciri utama transformasi ini ialah pempelbagaian dalam sistem kewangan yang lebih luas dan peningkatan pergantungan pada kemajuan teknologi. Kini, sebahagian besar daripada pengantaraan kewangan disokong oleh lebih banyak rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan bukan sahaja oleh bank bahkan oleh pasaran modal dan pengantara kewangan bukan bank, yang kini semakin memainkan peranan yang lebih besar dalam sistem kewangan dan ekonomi. Hal ini telah memberikan lebih fleksibiliti dalam pengurusan risiko kewangan serta meluaskan saluran bagi perniagaan dan isi rumah memenuhi keperluan dan matlamat kewangan mereka.

Kemajuan teknologi juga membolehkan usaha meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan menjadi lebih berkesan. Ia juga menyumbang kepada kos perkhidmatan kewangan yang lebih rendah. Selain itu, kemajuan teknologi menyokong pembangunan rangkaian perkhidmatan kewangan yang luas, termasuk khidmat nasihat dan perkhidmatan pengagregatan produk yang membolehkan keputusan kewangan dibuat berdasarkan maklumat yang lebih mencukupi. Pembaharuan pengawalan dan penyeliaan yang sedang dijalankan, khususnya dalam dekad kebelakangan ini, terus mengukuhkan bakal manfaat daripada pembangunan kewangan – dengan meningkatkan daya tahan sistem kewangan terhadap gangguan dan mengurangkan kesan buruk yang mungkin berlaku kepada pengguna akibat kegagalan pasaran dan krisis kewangan.

Bagi membolehkan manfaat pembangunan kewangan direalisasikan sepenuhnya, ia perlu dilengkapkan dengan penggunaan sistem kewangan yang berkesan oleh pengguna dan perniagaan. Seiring dengan kemajuan ekonomi, individu perlu menggalas tanggungjawab yang lebih besar untuk menampung keperluan kewangan sepanjang hayat mereka, termasuk pendidikan, penjagaan kesihatan dan persaraan. Selain itu, akses yang lebih mudah kepada kredit juga meningkatkan risiko isi rumah terjejas oleh bebanan hutang yang berlebihan, manakala cabaran berkaitan dengan operasi sistem kewangan yang lebih kompleks juga meningkatkan keadaan mudah terdedah kepada pengambilan risiko yang tidak wajar dan penipuan kewangan. Kumpulan yang dikenal pasti sebagai lemah bukan hanya terhad kepada segmen masyarakat termiskin seperti yang didefinisikan oleh paras ambang kemiskinan, malah meliputi golongan muda, isi rumah yang menetap di pusat bandar, mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap serta segmen penduduk yang lebih dewasa.

Oleh itu, tumpuan terhadap usaha untuk memperkukuh keupayaan pengguna dan perniagaan untuk menggunakan perkhidmatan kewangan dengan berkesan perlu menjadi komponen penting dalam apa jua usaha untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan. Ini memerlukan usaha untuk mempertingkat kemampuan pengguna perkhidmatan kewangan dalam membuat pilihan kewangan yang bijak, yang paling sesuai dengan keperluan mereka, di samping meningkatkan keyakinan mereka untuk mengambil peluang daripada saluran dan instrumen spektrum baharu pengurusan kewangan. Ini akan menghasilkan perancangan kewangan yang lebih baik dan corak penggunaan yang lebih stabil serta keupayaan individu untuk menghadapi dengan lebih baik kejutan makroekonomi yang kini lebih kerap berlaku dalam persekitaran ekonomi global.

Keupayaan kewangan yang meningkat juga akan menyumbang kepada pembentukan sistem kewangan yang lebih inklusif dan kestabilan kewangan yang lebih luas. Harapan yang lebih tinggi diletakkan pada potensi pendidikan kewangan untuk meningkatkan tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab; menggalakkan disiplin pasaran yang lebih teguh dan mengeluarkan segmen masyarakat termiskin dari kancah kemiskinan selain membantu masyarakat untuk membuat penyesuaian mengikut perubahan keadaan ekonomi dan kewangan. Pencapaian hasil ini akan banyak bergantung pada pengguna perkhidmatan kewangan yang cekap dari segi kewangan.

Sejak beberapa tahun yang lalu, kemajuan penting telah dicapai dalam penyediaan asas-asas untuk meningkatkan keupayaan kewangan. Asas-asas ini termasuklah: (i) peningkatan keperluan penzahiran yang sebenar mengenai produk dan perkhidmatan kewangan; (ii) pengetahuan kewangan yang lebih luas; (iii) persekitaran yang menyokong pilihan pengguna, termasuk kemampuan pengguna membuat pilihan tanpa halangan; dan (iv) mekanisme penyelesaian yang berkesan. Pembuat dasar, sektor swasta dan peserta pasaran memainkan peranan utama dalam pembinaan asas-asas ini.

Dalam konteks penzahiran sahaja, telah ada penambahbaikan yang nyata dalam kualiti dan ketekalan penzahiran lantas memudahkan pemahaman melalui penggunaan bahasa yang mudah, dan menerima pakai pelbagai pendekatan agar penzahiran yang penting sampai kepada perhatian pengguna. Bagi kebanyakan pengawal selia, penggunaan penzahiran adalah amat berguna untuk menggalakkan hasil yang positif bagi pengguna, tanpa mewujudkan herotan yang mungkin disebabkan oleh intervensi dasar yang melampau.

Dari segi peningkatan pengetahuan kewangan selanjutnya, lebih daripada 50 negara telah memberikan keutamaan pada agenda ini dan melaksanakan atau merangka strategi pendidikan kewangan kebangsaan. Usaha ini terus mencapai kemajuan dengan penerbitan prinsip tahap tinggi OECD mengenai strategi kebangsaan dalam pendidikan kewangan pada tahun 2012. Ini akan diperkukuh oleh laporan kemajuan negara-negara yang melaksanakan strategi kebangsaan mereka. Yang penting ialah penambahbaikan terhadap usaha untuk menyelaraskan dengan lebih baik dan mencapai penjajaran lebih mantap antara strategi pendidikan kewangan, agenda rangkuman kewangan dan rejim perlindungan pengguna supaya mendapat impak maksimum daripada setiap inisiatif dan mengelakkan pertindanan supaya kesan usaha pendidikan kewangan dapat dioptimumkan dalam jangka panjang.

Dari segi memudahkan pengguna untuk membuat pilihan, inisiatif telah diambil untuk mengurangkan kos pemansuhan dan pertukaran supaya pelanggan yang mempunyai maklumat yang mencukupi boleh dengan mudah menggunakan pilihan mereka dan membuat penyesuaian dengan keadaan yang berubah-ubah. Meskipun langkah-langkah mengurangkan kos pemansuhan kewangan telah mencapai beberapa kemajuan dalam mengurangkan halangan pertukaran dalam industri kewangan, langkah tindak balas terhadap faktor lain yang tidak menggalakkan pelanggan bertukar kepada produk atau perkhidmatan kewangan yang lebih baik adalah

lebih mencabar. Faktor tersebut termasuklah usaha tambahan yang diperlukan untuk menukar penyedia perkhidmatan atau produk kewangan disebabkan oleh kos marginal pertukaran yang lebih tinggi.

Akhir sekali, langkah untuk mengukuhkan mekanisme penyelesaian juga meningkatkan keupayaan pengguna kewangan melalui penyediaan kaedah lebih cepat dan berkesan dari segi kos, untuk memelihara hak dan melindungi kepentingan mereka. Mekanisme penyelesaian yang berkesan juga meningkatkan keyakinan pengguna untuk menggunakan perkhidmatan kewangan, dan pada masa yang sama, memperteguh disiplin pasaran.

Pada masa akan datang, strategi untuk terus memperkukuh asas-asas ini dijangka dipengaruhi dengan nyata oleh dua perkembangan utama. Pertama ialah penerangan secara lebih luas mengenai perkara yang mempengaruhi tingkah laku kewangan (behaviourial finance) supaya dapat memahami dan mengenal pasti dengan lebih baik pengaruh keputusan kewangan yang lebih bijak dalam keadaan yang berbeza. Hasil kajian mengenai perkara yang mempengaruhi tingkah laku kewangan baru-baru ini menunjukkan bahawa kaitan emosi dan psikologi dengan kewangan adalah sama pentingnya dengan keupayaan intelek tentang cara membuat pilihan kewangan yang bijak. Ini mempunyai implikasi penting terhadap bentuk dan pelaksanaan dasar perlindungan pengguna dan strategi keupayaan kewangan.

Kami mendapati bahawa pengguna yang mendapat maklumat yang berkaitan di Malaysia tidak selalunya dapat membuat keputusan yang lebih baik. Kerap kali hal ini berlaku kerana kesukaran untuk memahami maklumat dan terdapat terlalu banyak maklumat. Bank Negara Malaysia kini menghendaki supaya penzahiran oleh penyedia perkhidmatan kewangan adalah lebih mudah dan juga peranan khidmat nasihat bebas di institusi kewangan diperkukuh. Institusi kewangan juga dikehendaki melaksanakan usaha wajar yang lebih teliti untuk memastikan setiap produk yang dijual kepada pengguna adalah setara dengan kemampuan pengguna dan mendorong pengguna kewangan untuk membuat keputusan mengikut kepentingan mereka dan pilihan yang dibuat mereka adalah demi kepentingan pengguna.

Pendekatan pendidikan kewangan juga lebih bersasaran dalam usaha untuk mempengaruhi tingkah laku kewangan secara lebih berkesan. Ini menunjukkan program pendidikan kewangan yang semakin diubah suai mengikut keperluan kumpulan yang disasarkan, disampaikan tepat pada masanya dan melalui saluran yang betul. Program pendidikan kewangan kini disediakan mengikut kesesuaian ciri-ciri tingkah laku, demografi dan peringkat kitaran hayat kewangan individu supaya ia lebih sesuai dengan motivasi dan insentif intrinsik yang akan mendorong tingkah laku kewangan.

Perkembangan kedua berkaitan dengan kemajuan teknologi yang mempunyai impak besar terhadap keupayaan kewangan. Meskipun kemajuan teknologi merupakan cabaran baharu bagi strategi keupayaan kewangan, namun ia juga mempunyai potensi untuk merevolusikan cara strategi keupayaan kewangan dibentuk dan disampaikan, lantas membolehkan pembuat dasar dan institusi kewangan mencapai hasil yang dahulunya tidak dapat dicapai. Pembelajaran di kelas dan permainan dalam talian, misalnya, telah membuka laluan baharu dan menarik untuk menyampaikan maklumat penting mengenai pengurusan kewangan. Penggunaan aplikasi mudah alih juga lebih memudahkan individu untuk memantau dan mengawal amalan kewangan, selain membantu pengguna membuat pilihan kewangan. Hal ini juga membolehkan sumber digunakan sepenuhnya dengan meluaskan jangkauan inisiatif keupayaan kewangan, dan meningkatkan potensinya untuk meninggalkan kesan yang lebih berpanjangan terhadap tingkah laku kewangan.

Di Malaysia, inisiatif untuk memperkukuh keupayaan kewangan bermula sejak hampir 20 tahun yang lalu dan merupakan komponen penting dalam amalan perniagaan dan tanggungjawab rangkuman kewangan Bank. Bank telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan industri kewangan untuk melaksanakan pendidikan kewangan di sekolah bagi menggalakkan kemahiran keupayaan kewangan sejak dari usia muda

lagi. Kini, usaha ini telah diperingkat akhir untuk mengintegrasikan elemen pendidikan kewangan secara formal ke dalam mata pelajaran utama dalam kurikulum sekolah.

Program keupayaan kewangan dalam kalangan orang dewasa adalah lebih sejajar dengan cara keputusan kewangan dibuat dan dedahan yang bakal dihadapi individu pada peringkat kehidupan yang berbeza. Oleh itu, ia telah mempengaruhi kandungan, pendekatan dan pengaturan masa program pendidikan kewangan kami. Yang penting ialah penglibatan sektor swasta menerusi inisiatif seperti pendidikan kewangan di tempat kerja yang dianjurkan oleh syarikat besar melalui kerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di Malaysia. Infrastruktur yang diperlukan inisiatif ini juga sedang dipertingkat bagi menyediakan platform bersepadu kepada pengguna kewangan untuk akses yang mudah kepada kandungan pendidikan kewangan yang relevan untuk membuat keputusan kewangan.

Bank Negara Malaysia menilai semua program pendidikan kewangan utama untuk mengukur keberkesanannya dalam memenuhi objektif seperti digariskan dalam Rangka Kerja Penilaian Pendidikan Kewangan. Rangka Kerja ini yang dirumuskan pada tahun 2013, menilai impak program pendidikan kewangan dari segi literasi kewangan keseluruhan dan perubahan tingkah laku kewangan.

Aplikasi mudah alih juga telah diperkenalkan untuk menggalakkan keputusan kewangan dibuat berdasarkan maklumat yang mencukupi. Ini termasuk aplikasi pengurusan wang peribadi, maklumat penting yang dikemas kini untuk pengguna, termasuk amaran penipuan kewangan oleh Bank, dan saluran bagi pengguna untuk membuat pertanyaan, mendapatkan nasihat dan membuat aduan kepada institusi kewangan yang berkenaan. Aplikasi mudah alih ini direka khusus untuk penggunaan di Malaysia dan boleh dimuat turun oleh individu secara percuma. Penggunaannya yang lebih meluas dijangka menyumbang kepada peningkatan kecekapan kewangan.

Inisiatif pendidikan kewangan di Malaysia telah dilaksanakan menerusi kerjasama sektor awam dan swasta. Agensi utama yang terlibat ialah AKPK, industri kewangan, persatuan pengguna dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (yang mempunyai lebih daripada 14 juta orang pencarum) untuk memastikan maklumat mengenai pengurusan kewangan mengambil kira semua isu utama berkaitan dengan simpanan, hutang, pelaburan dan perlindungan. Strategi ini dilaksanakan bersama-sama dengan usaha untuk menggalakkan rangkuman kewangan dan memastikan layanan yang adil diberikan kepada pengguna kewangan.

Perlu untuk diketahui bahawa industri kewangan sendiri memainkan peranan yang amat penting dalam meningkatkan kesejahteraan kewangan pengguna. Krisis kewangan global telah menjejaskan keyakinan terhadap sistem kewangan dengan ketara, dan amalan beretika yang semakin merosot yang terus dilaporkan sehingga hari ini terus menghakis kepercayaan orang ramai terhadap institusi kewangan. Kepercayaan terhadap penggunaan perkhidmatan kewangan perlu dipulihkan dengan segera, pertamanya melalui amalan yang adil dan bertanggungjawab dan diperkukuh oleh penyediaan produk dan perkhidmatan bernilai tambah yang memenuhi keperluan sebenar pengguna dan perniagaan.

Institusi kewangan yang mempunyai jangkauan dan hubungan dengan pelanggan yang luas berada pada kedudukan yang unik untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam usaha meneruskan agenda pendidikan kewangan. Di Malaysia, ini termasuk penyediaan sokongan teknikal dan bahan untuk guru meningkatkan pengetahuan dan keyakinan mereka semasa mengajar subjek kewangan di sekolah. Institusi kewangan juga mengambil lebih 10,000 buah sekolah di seluruh negara untuk dijadikan sekolah angkat di bawah Program Sekolah Angkat dengan pelbagai aktiviti berkaitan dengan pengurusan wang untuk murid-murid. Institusi kewangan juga bekerjasama rapat dengan AKPK dalam pelaksanaan program pendidikan kewangan untuk golongan dewasa.

Kini, tumpuan pada keupayaan kewangan telah menjadi agenda global. Hal ini membolehkan pembuat dasar mengambil peluang untuk mempelajari daripada rakan sejawat mereka di seluruh negara dan memanfaatkan rangkaian kepakaran antarabangsa untuk menangani isu dan cabaran bersama. Simposium ini merupakan contoh yang baik untuk merealisasikan peluang tersebut. Ruang bagi kerjasama yang bermakna pada peringkat serantau dan global adalah amat besar. Ini meliputi penyelidikan, bantuan teknikal dan panduan untuk pembuat dasar. Dengan memanfaatkan teknologi, aplikasi pendidikan kewangan boleh dibangunkan dan dikembangkan, diuji dan diterima pakai di negara-negara yang berbeza. Kerjasama antarabangsa boleh diadakan bukan hanya terhad dalam program latihan, malah untuk akses kepada rangkaian kepakaran antarabangsa melalui platform dan saluran komunikasi dalam talian.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjemput semua delegasi Simposium ini ke pameran LATerasi Kewangan kami yang sedang berlangsung di Sasana Kijang ini. Pameran ini memaparkan lebih daripada 150 karikatur tersendiri kartunis tersohor Malaysia yang menggalakkan tabiat pengurusan kewangan yang baik. Karikatur yang dipamerkan ini diambil daripada buku-buku wang saku tahunan murid-murid yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia. Lebih daripada 15 juta naskhah buku wang saku ini telah diedarkan setiap tahun kepada pelajar sekolah sejak tahun 1999 di lebih 10,000 buah sekolah di seluruh negara untuk menggalakkan tabiat pengurusan wang yang baik. Karikatur ini juga menggambarkan banyak aspek kebudayaan dan persekitaran di Malaysia. Saya berharap anda semua akan melawat pameran ini dan mendapat inspirasi daripadanya.

Izinkan saya merumuskan ucapan saya ini. Komitmen terhadap pendidikan kewangan adalah sangat penting. Tema Simposium ini mengingatkan kita untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan masyarakat kita. Atas sebab ini jugalah kita sama-sama berada dalam perjalanan ini. Ini supaya masyarakat kita mendapat manfaat daripada penggunaan sistem kewangan yang berkesan dan mengelak daripada berputus asa dan berada dalam keadaan terdesak akibat keputusan kewangan yang buruk. Selain itu, kita juga akan membantu untuk membina sistem-sistem kewangan yang lebih berdaya tahan dan inklusif, dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan yang lebih seimbang.

Terima kasih kepada semua peserta Simposium ini dan semoga perbincangan yang akan diadakan mencapai hasil yang diharapkan.